

Headline **Perisai diri elak dadah**
Date **21 Nov 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **Sahlina Sahkirin**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V12**
Article Size **292 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,278**
PRValue **18,835**



Perisai diri elak dadah

100 pelajar Kolej Komuniti Wilayah Johor sertai Kem Kesedaran Antidadah dan HIV

Sahlina Sahkirin

KESEDARAN mengenai penyalahgunaan dadah sememangnya perlu diterapkan ke dalam diri individu sejak awal lagi terutama generasi muda.

Sehubungan itu, 100 pelajar Kolej Komuniti Wilayah Johor menyertai Kem Kesedaran Antidadah dan HIV di Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Insan YPJ Sekakap, Mersing, Johor, baru-baru ini.

Kem tiga hari anjuran bersama Kolej Komuniti Pengajian Tinggi Wilayah Johor, Agensi Antidadah Kebangsaan Johor dan Majlis Kaunseling Kolej Komuniti itu bertujuan memantapkan diri dari segi fizikal dan mental peserta dalam menangani gejala penyalahgunaan dadah.

Program berkenaan disempurnakan wakil Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi, Ahmad Rani Ali Hanafiah.

Pengarah kem, Dr Kamaruddin Md Tahir, berkata penyertaan kem itu membolehkan peserta meningkatkan pengetahuan mengenai dadah atau HIV dan risiko penyalahgunaan dadah.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan sepanjang kem berkenaan antaranya ceramah, latihan dalam kumpulan (LDK) dan persembahan kebudayaan.

Menurutnya, kem itu diharap dapat memberi kesedaran terhadap peserta mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan HIV.

Bagi Junaidah Mohd

Samsir, 19, daripada Kolej Komuniti Tanjung Piai Pontian, penyertaan dalam program itu membolehkannya bertukar pandangan dengan peserta lain.

"Ia sesuatu yang amat menyeronokkan dan saya berharap program sebegini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan lebih berjaya," katanya.

Pelajar Kolej Komuniti Ledang Tangkak, Mohd Saiuddin Haron, 20, menganggap pengisian

sepanjang kem itu berlangsung amat mencabar kerana semua aktiviti perlu dilakukan secara berkumpulan.

"Saya berpeluang mengetahui kepentingan untuk bekerjasama secara berkumpulan.

"Masing-masing ada peranan dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi bagi memastikan tidak terjebak dengan gejala tidak memberi manfaat pada masa depan," katanya.

Nur Syafiqah Hisahamuddin 20, daripada Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kota Tinggi pula berkata, banyak pengetahuan berguna boleh diperolehi dalam melengkap diri untuk mengelak terpengaruh dengan penyalahgunaan dadah dan HIV.

Katanya, pendedahan dengan pelbagai kegiatan yang boleh menyemai semangat perpaduan di kalangan masyarakat juga perlu diterapkan supaya generasi muda tidak mendekati najis dadah.



JUNAIDAH... bangga dapat sertai kem.

Headline **Perisai diri elak dadah**
Date **21 Nov 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **Sahlina Sahkirin**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V12**
Article Size **292 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,278**
PRValue **18,835**



MENARIK...sketsa persembahan peserta sempena majlis penutup.